# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

10 MAC 2026 (SELASA)

| Pelakon, Suami direman Lagi Babit Kes Tipu Jual Lembu | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Kosmo | Negara | 6 | 10 Mac |

# Pelakon, suami direman lagi babit kes tipu jual lembu

**KUALA LUMPUR** – Seorang pelakon wanita dan suaminya ditahan semula oleh pihak polis sebelum direman bagi membantu siasatan berhubung kes penipuan pelaburan membabitkan penjualan lembu.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sazalee Adam berkata, perintah reman terhadap pasangan tersebut bermula semalam.

"Suspek lelaki direman tiga hari sehingga Rabu ini, manakala wanita itu direman sehari untuk membantu siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus dilaporkan berkata, pasangan itu ditahan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi.

> "Suspek lelaki direman tiga hari sehingga Rabu ini, manakala wanita itu direman sehari untuk membantu siasatan lanjut."

Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan, pasangan itu ditahan polis bagi kes penipuan urusan penjualan tanah kurnia membabitkan kerugian RM1.5 juta, serta kes tipu darjah kebesaran babit kerugian RM23,000.



**PELAKON drama wanita (kanan) bersama suami direman sekali lagi berkaitan kes penipuan penjualan lembu.**

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR